# KAJIAN KEBERKESANAN INSTA WEB MENU DI GERAI POJAN CHAR KUEY TEOW DI BANTING SELANGOR

SITI NORSHAHIRA BINTI ROSLI
(10DPM20F2016)

NUR AISYATUL UMAIRAH BINTI SHAIFUL AZLI
(10DPM20F2056)

NOOR AFIFAH BINTI MISRIJAN
(10DPM20F2044)

MOHAMAD AIZAT BIN AZLAN
(10DPM20F2032)

HARENA A/P VICKNESWARAN
(10DPM20F2077)

**Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian syarat penganugerahan Diploma Pengajian Perniagaan**

**JABATAN PERDAGANGAN**
**SESI 1 2021/2022**

**AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK KAJIAN KEBERKESANAN INSTA WEB MENU.**

1. Kumpulan kami terdiri daripada **Siti Norshahira Binti Rosli (10DPM20F2016), Nur Aisyatul Umairah Binti Shaiful Azli (10DPM20F2056), Noor Afifah Binti Misrijan (10DPM20F2044), Mohd Aizat Bin Azlan (10DPM20F2032), Harena A/P Vickneswaran (10DPM20F2077)** adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan di Politeknik Seberang Perai yang beralamat di Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

2. Kami mengakui bahawa projek Keberkesanan Insta Web Menu dan harta intelek di dalamnya adalah hasil karya dan reka cipta asli daripada kami tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak-pihak yang lain.

3. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek projek Keberkesanan Insta Web Menu kepada Politeknik Seberang Perai bagi memenuhi keperluan dan penganugerahan Diploma Pengajian Perniagaan kepada kami.

Dilaksanakan dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut:

**Nama** : SITI NORSHAHIRA BINTI ROSLI
**No. Kad Pengenalan** : 021228-08-0282

**Nama** : NUR AISYATUL UMAIRAH BINTI SHAIFUL AZLI
**No. Kad Pengenalan** : 020926-08-1448

**Nama** : NOOR AFIFAH BINTI MISRIJAN
**No. Kad Pengenalan** : 010205-10-0208

**Nama** : MOHAMAD AIZAT BIN AZLAN
**No. Kad Pengenalan** : 021122-10-0193

**Nama** : HARENA A/P VICKNESWARAN
**No. Kad Pengenalan** : 020903-07-0308

Dihadapan saya, CIK NORHAYATI BINTI ABDUL HAMID sebagai penyelia projek pada Tarikh 25 Ogos 2022.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat illahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya kami dapat menyempurnakan tugasan sepanjang menjalankan kerja kursus ini. Kami juga memperoleh pelbagai pengalaman sepanjang melakukan kerja kursus ini. Terdapat pelbagai kenangan manis dan pahit yang mungkin kami tidak dapat perolehi diluar. Namun, tidak dinafikan, kerja kursus ini telah banyak mengajar kami sebagai seorang pelajar untuk mempelajari pelbagai maklumat dan pengetahun yang lebih terperinci berkaitan tugasan ini melalui kod kursus DPB50163 BUSINESS PROJECT. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang kami menjalankan tugasan ini. Terutamanya kepada pensyarah kami iaitu Dr Nor Hatizal Binti Amarul Shah kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang menjalankan tugasan ini. Tidak lupa juga kepada Cik Norhayati Binti Abdul Hamid selaku guru penyelia kami yang banyak memberi Kerjasama dan sokongan sepanjang kami menjalankan tugasan ini. Kami juga turut berterima kasih kepada pengurus Pojan Char Kuey Teow, Encik Muhammad Alif Fauzan Bin Azman kerana telah memberikan komitmen yang baik supaya kami dapat menjalankan tugasan ini dengan sempurna. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-akan seperjuangan kerana telah menghulurkan banyak bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan tugasan ini dengan usaha yang gigih bagi menyempurnakan tugasan ini dengan jayanya. Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan tugasan ini.Segala bantuan yang telah anda hulurkan amat kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan anda semua, tugasan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sekian, terima kasih.

# ABSTRAK

Tajuk kajian kami ialah Insta Web Menu. Hal ini kerana perusahaan Gerai Pojan Char Kuey Teow ini telah menghadapi masalah untuk merekod pesanan pelanggan, masalah penipuan dalam pembayaran serta masalah kesukaran kepada peniaga untuk merekod jumlah jualan akhir perniagaan. Objektif yang ingin dicapai ialah mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod pesanan pelanggan, mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod notifikasi pembayaran yang telah dilakukan oleh pelanggan, dan mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod jumlah jualan. Ketiga-tiga objektif ini ditetapkan bertujuan untuk mengkaji keberkesanan Insta Web Menu di Gerai Pojan Char Kuey Teow. Projek kami ini dijalankan di Gerai Pojan Char Kuey Teow, Jalan Cengal, Taman Banting Baru, 42700, Banting, Selangor. Tambahan lagi, kaedah yang digunakan untuk menyiapkan projek ini ialah melalui soal selidik kepada pemilik Gerai Pojan Char Kuey Teow. Borang analisis keperluan adalah jenis soal selidik yang dibuat untuk mengetahui sama ada perniagaan Gerai Pojan Char Kuey Teow ini memerlukan Insta Web Menu dan apakah kelebihan yang diperolehi oleh perniagaan ini setelah mereka menggunakan Insta Web Menu. Kesimpulannya, berikutan era globalisasi ini, ramai peniaga yang telah menukarkan kaedah pesanan makanan secara atas talian. Hal ini juga mendapat sambutan yang baik oleh penggunanya. Ini kerana, mereka rasa lebih selesa dan mudah untuk membuat pesanan. Disebabkan itu, kami telah berbincang bersama ahli kumpulan untuk memilih Insta Web Menu di perusahaan Gerai Pojan Char Kuey Teow.

## SENARAI KANDUNGAN


PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

PENGHARGAAN .......... 3

ABSTRAK .......... 4

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan .......... 7

1.2 Latar Belakang Kajian .......... 8

1.3 Kaedah Analisis Data .......... 8

1.3.1 Borang Analisis Keperluan Pengurus dan Pekerja .......... 9

1.4 Penyataan Masalah/Isu .......... 10

1.5 Objektif Kajian .......... 10

1.6 Justifikasi Kajian .......... 10

1.7 Skop Kajian .......... 11

1.8 Kepentingan Projek .......... 11

1.9 Rumusan .......... 11

**BAB 2 KAJIAN LAPANGAN**

2.1 Pendahuluan .......... 12

2.2 Kajian Lepas .......... 12

2.3 Rumusan .......... 14

**BAB 3 METODOLOGI/REKA BENTUK**15

3.1 Pendahuluan .......... 15

3.2 Reka Bentuk Projek .......... 15

3.3 Impak Produk .......... 29

3.4 Rumusan .......... 300

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**


4.1 Pendahuluan ........................................................................................................ 31

4.2 Dapatan Kajian/Pengujian ...................................................................................... 31

4.2.1 Pencapaian Objektif Kajian Pertama ................................................................ 31

4.2.2 Pencapaian Objektif Kajian Kedua .................................................................. 33

4.2.3 Pencapaian Objektif Kajian Ketiga .................................................................. 34

4.3 Perbincangan ....................................................................................................... 36

4.4 Kos yang terlibat .................................................................................................. 36

4.5 Rumusan ............................................................................................................. 36


**BAB 5 KESIMPULAN**


5.1 Pendahuluan ........................................................................................................ 37

5.2 Kesimpulan .......................................................................................................... 37

5.3 Cadangan ............................................................................................................ 37

5.4 Limitasi Projek .................................................................................................... 38

5.5 Rumusan ............................................................................................................. 38

**Rujukan** ..................................................................................................................... 39

**Lampiran** ................................................................................................................... 42

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai masalah yang dikaji iaitu latar belakang perniagaan, penyataan masalah,/isu, objektif kajian, justifikasi kajian dan skop kajian. Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menjalankan kajian di Gerai Pojan Char Kuey Teow. Perusahaan ini menjalankan perniagaan di kawasan Jalan Cengal, Taman Banting Baru, 42700 Banting Selangor. Jenis perniagaan ialah milikan tunggal. Walau bagaimanapun, kajian ini tertumpu kepada produk Insta Web Menu yang dikendalikan oleh Encik Muhammad Alif Fauzan Bin Azman di Gerai Char Kuey Teow yang teletak di Banting Selangor.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat kajian mengenai masalah perusahaan dan mencari penyelesaiannya. Antara masalah yang dihadapi oleh Gerai Pojan Char Kuey Teow ini adalah masalah merekod pesanan pelanggan, masalah penipuan dalam pembayaran, dan kesukaran merekod jumlah jualan akhir. Hal ini bertujuan untuk membantu Gerai Pojan Char Kuey Teow tersebut dengan memperkenalkan Insta Web Menu. Dengan adanya website ini, ianya dapat memudahkan urusan perniagaan untuk merekod jumlah makanan yang perlu dibayar oleh pelanggan serta website ini juga dapat merekod notifikasi pembayaran dan ia juga dapat memudahkan peniaga membuat perkiraan jumlah jualan di akhir perniagaan pada hari atau minggu tersebut. Website ini dapat memudahkan perniagaan untuk berinteraksi dengan pelanggan secara lebih pantas dan efisien. Perusahaan ini beroperasi sebagai sebuah perusahaan yang menjual makanan dan minuman. Justeru itu, perusahaan ini mempunyai masalah yang dapat kami kaji iaitu masalah merekod pesanan pelanggan, masalah penipuan dalam pembayaran serta kesukaran merekod jualan akhir perniagaan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Nama perniagaan ini ialah Gerai Pojan Char Kuey Teow dan dimiliki oleh Encik Muhammad Alif Fauzan Bin Azman. Perniagaan ini terletak di Bahu Jalan Cengal, Taman Banting Baru, 42700 Banting, Selangor.






## 1.3 Kaedah Analisis Data

### a) Analisis Keperluan

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti sama ada perniagaan Pojan Char Kuey Teow ini memerlukan produk kami iaitu Insta Web Menu bagi membantu menyelesaikan masalah seperti masalah merekod pesanan pelanggan, masalah penipuan pembayaran dan masalah untuk merekod jumlah jualan akhir. Oleh demikian, kami menyediakan satu borang analisis keperluan bagi mengumpulkan semua masalah yang dihadapi oleh peniaga Gerai Pojan Char Kuey Teow untuk mencipta Insta Web Menu dengan ciri-ciri yang diperlukan bagi memenuhi kehendak dan keperluan pengguna.

### 1.3.1 Borang Analisis Keperluan Pengurus dan Pekerja

| 1- Sangat Tidak Setuju | 2- Tidak Setuju | 3- Neutral | 4- Setuju | 5- Sangat Setuju |
|---|---|---|---|---|

| **Borang Kajian Keperluan** | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Bahagian A: Maklumat Pemilik** | | | | | |
| Nama: | | | | | |
| Jantina: | | | | | |
| Umur: | | | | | |
| **Bahagian B: Latar Belakang Produk Yang Digunakan Sekarang** | | | | | |
| | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| Gerai Char Kuey Teow ini tidak mempunyai aplikasi atau website | | | | | |
| Insta Web Menu mempunyai keperluan untuk dilaksanakan di Gerai Char Kuey Teow | | | | | |
| Perniagaan Gerai Char Kuey Teow bersetuju untuk menggunakan Insta Web Menu | | | | | |
| **Masalah Yang Berlaku:** | | | | | |
| Masalah merekod pesanan pelanggan | | | | | |
| Masalah penipuan pembayaran | | | | | |
| Masalah merekod jumlah jualan | | | | | |
| **Bahagian C: Penambahbaikan** | | | | | |
| Peniaga bersetuju untuk kami membuat penambahbaikan dalam perniagaan anda | | | | | |
| Insta Web Menu ini akan memudahkan anda untuk merekod pesanan pelanggan | | | | | |
| Insta Web Menu ini selamat digunakan dan dapat mengelakkan penipuan kerana setiap pesanan yang dilakukan akan disertakan notifikasi dan invois | | | | | |
| Insta Web Menu ini dapat menyelesaikan masalah untuk merekod jumlah jualan | | | | | |

## 1.4 Penyataan Masalah/Isu

Hasil daripada kajian kami, kami mendapati bahawa, terdapat masalah yang dialami oleh perusahaan Gerai Pojan Char Kuey Teow iaitu berkaitan dengan kesukaran untuk merekod pesanan pelanggan. Hal ini akan menyebabkan peniaga mengalami kesukaran untuk merekod jumlah jualan akhir. Bukan itu sahaja, penipuan dalam membuat pembayaran juga akan berlaku kerana ketiadaan resit untuk setiap pembelian. Disebabkan itu, kami bercadang untuk mencipta website yang dinamakan sebagai Insta Web Menu dengan tujuan untuk membantu pemilik dalam mengatasi masalah seperti kesukaran dalam merekod pesanan pelanggan, penipuan dalam pembayaran serta kesukaran dalam merekod jumlah akhir jualan.

## 1.5 Objektif Kajian

Projek ini dijalankan untuk:

1. Mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod pesanan pelanggan.
2. Mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod notifikasi pembayaran yang telah dilakukan oleh pelanggan.
3. Mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod jumlah jualan.

## 1.6 Justifikasi Kajian

Justifikasi kajian ini memilih produk Insta Web Menu adalah kerana website ini mempunyai banyak kemudahan seperti dapat menjimatkan masa semasa urusan jual beli, memudahkan urusan jual beli dan operasi perniagaan menjadi lebih efisen. Website ini juga dapat merekod segala transaksi yang dibuat dan diterima. Website ini juga akan memberikan notifikasi apabila berlakunya sebarang pemindahan transaksi dan kemasukkan pesanan. Hal ini dapat mengelakkan penipuan kerana mempunyai bukti tentang pemindahan transaksi. Seperti yang diketahui, pada era globalisasi ini, banyak gerai-gerai telah menjalankan sistem pemesanan makanan secara atas talian. Hal ini dapat memudahkan urusan kedua-dua pihak. Oleh itu, kami ingin memperkenalkan dan mencipta satu website khas iaitu Insta Web Menu kepada pemilik Gerai Pojan Char Kuey Teow ini.

### 1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini memfokuskan hanya kepada faktor-faktor yang dikaji seperti masalah yang dihadapi oleh perniagaan Gerai Pojan Char Kuey Teow di Banting, Selangor. Antara masalah perniagaan tersebut ialah kesukaran untuk merekod pesanan pelanggan, masalah penipuan pembayaran serta masalah untuk merekod jumlah jualan. Oleh itu,kami telah membuat temu ramah bersama pemilik untuk mengetahui proses urus niaga perniagaan bagi menyediakan borang selidik dan analisis keperluan agar urus niaga perniagaan menjadi lebih efisen.

### 1.8 Kepentingan Projek

Penciptaan Insta Web Menu dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh perniagaan Gerai Char Kuey Teow khususnya kesukaran untuk merekod pesanan pelanggan, masalah penipuan pembayaran serta masalah untuk merekod jumlah jualan akhir.

### 1.9 Rumusan

Perniagaan Gerai Pojan Char Kuey Teow ini menghadapi masalah kesukaran untuk merekod pesanan pelanggan, masalah penipuan pembayaran serta masalah untuk merekod jumlah jualan akhir. Oleh disebabkan itu, kami membuat soal selidik dan temu ramah bersama pemilik untuk mengumpul dan mendapatkan maklumat yang lebih sahih bagi membantu mempertingkatkan lagi kelancaran perniagaan tersebut. Oleh itu, kami mencipta Insta Web Menu bagi memudahkan urusan pemilik untuk menjalankan perniagaan jual beli dengan lancar.

# BAB 2
# KAJIAN LAPANGAN

## 2.1 Pendahuluan

Bab ini melihat kajian lepas untuk membantu meninjau keperluan pembangunan laman web kepada perniagaan sama ada pada perniagaan yang baru dimulakan ataupun perniagaan yang telah lama menapak. Pembangunan laman web ini adalah berdasarkan kepada keperluan perniagaan yang dikaji serta keperluan pembeli. Keberkesanan laman web ini juga akan dikaji berdasarkan kajian literatur dan inovasi-inovasi terdahulu.

## 2.2 Kajian Lepas

### 2.2.1 Mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod pesanan pelanggan

Analisis daripada Bella Chintya Neyfa, Dony Dn Tamara, Ghina S Salsabila, Bayu Adityo Ramadhan, Fathiyah Rahma Mutmainah dan Dimas Ardi Rosatama (2016), melalui website menu, pelanggan dapat melihat seluruh menu yang ditawarkan berserta harga. Pelanggan dapat menikmati kemudahan memesan menu dengan mengikuti aturan yang telah ditetapkan didalam website. Pelanggan juga dapat melakukan pembayaran mengikut harga yang telah ditetapkan dengan menggunakan website yang disediakan.

Berdasarkan tinjauan Abdul Wahhab bin Hosni dan Jamaiah Yahaya (2021), Dengan adanya sistem pesanan menu, pesanan dapat diambil dengan mudah. Pelayan tidak perlu mengambil pesanan pelanggan dari meja ke meja, kerana menu tersebut dapat dipesan sendiri oleh pelanggan serta peniaga dapat melihat pesanan yang masuk melalui sistem tersebut. Pembayaran juga boleh dibuat terus melalui perbankan dalam talian.

Hasil kajian daripada Zareen Sufia binti Jafry dan Prof Madya Dr. Masnizah binti Mohd (2018), semua pesanan yang telah dibuat akan dipaparkan sebelum pesanan disahkan dan diproses. Pelanggan juga boleh memadam atau menambah pesanan yang ingin dibuat. Sistem pengurusan pemesanan makanan secara atas talian ini lengkap dengan segala komponen-komponen yang dapat memudahkan pelanggan membuat pesanan.

Menurut Nurul Farhana Soble, Ts. Dr. Azizul Azhar Ramli (2022), Proses yang terdapat dalam sistem pemesanan makanan ini dapat memudahkan pelanggan untuk memesan makanan dengan hanya menggunakan telefon bimbit. Senarai pesanan yang telah dibuat akan masuk kepada telefon peniaga. Penyediaan website pemesanan makanan dapat memudahkan pelanggan membuat transaksi pra pesanan kepada peniaga.

Berikutan dengan Grace Patricia Windarto, Ryan P. Sutanto, Aristarchus Pranayama K. (2021), Pelanggan dapat memperolehi pelbagai menu dengan hanya klik pada skrin telefon. Kewujudan website ini, pelanggan dapat membuat pembelian dengan mudah.

### 2.2.2 Mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod notifikasi pembayaran yang telah dilakukan oleh pelanggan

Analisis daripada Bella Chintya Neyfa, Dony Dn Tamara, Ghina S Salsabila, Bayu Adityo Ramadhan, Fathiyah Rahma Mutmainah dan Dimas Ardi Rosatama (2016), penjual akan mendapat notifikasi setelah proses pembayaran telah berhasil dibuat oleh pelanggan. Pesanan dapat disiapkan dengan segera dan akan dihantar ke meja pelanggan.

Lipriadi, Budy Muhandri dan Arisantoso (2022), pelanggan boleh terus melakukan transaksi pembayaran melalui website pemesanan makanan. Notifikasi pemesanan dan transaksi yang berjaya dipindahkan akan terpapar di skrin telefon pintar peniaga. Oleh itu, peniaga wajib untuk menyiapkan pesanan setelah mendapat notifikasi pembayaran dan tempahan pesanan daripada pelanggan.

Lina, Bagus Mulyawan dan Daniel Ajienegoro (2021), penjual atau peniaga akan mendapat notifikasi pembelian daripada pelanggan yang meliputi tarikh pesanan, produk yang dipesan serta maklumat pembayaran.

Tony Wijaya, Donny Pramata (2014), pembeli akan melakukan pembayaran setelah mengesahkan pesanan yang ingin dipesan dan butiran transaksi telah diisi. Pelanggan juga mestilah mencetak pengesahan pembayaran sebagai bukti transaksi telah berjaya dilakukan. Peniaga akan menerima pemberitahuan pembayaran selepas pembayaran telah berjaya dibuat oleh pelanggan,

Siti Maisarah Amran, Noor Azah Samsudin (2021), notifikasi pembayaran yang berjaya akan masuk ke telefon peniaga, beserta dengan tempahan makanan yang ditempah oleh pelanggan.

### 2.2.3 Mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod jumlah jualan.

Berdasarkan tinjauan Abdul Wahhab bin Hosni dan Jamaiah Yahaya (2021), sistem pemesanan makanan secara atas talian dapat memudahkan pelayan mengambil pesanan dan transaksi jumlah jualan juga dapat direkodkan secara berterusan didalam sistem tersebut.

Nur Husnina, Bahiah Halid, Mohd Amin Mohd Yunus (2020) sistem pemesanan menu secara atas talian ini dapat memudahkan peniaga untuk melihat rekod jualan yang telah dibuat. Peniaga dapat mengemaskini data-data perniagaan dengan mudah dan selamat.

Siti Maisarah Amran, Noor Azah Samsudin (2021), Kewujudan sistem seperti ini, dapat memudahkan untuk peniaga menguruskan penempahan makan di restoran dengan lebih baik dan berkesan. Semua rekod-rekod transaksi yang telah dibuat akan disimpan di pengkalan data didalam sistem ini. Oleh itu, pemilik dapat mengetahui tentang bilangan pelanggan yang datang serta hasil jualan yang mereka perolehi pada hari tersebut.

Bagus Dwi Wicaksono dan Sita Anggraeni (2021), penghasilan website pemesanan makanan ini dapat memudahkan peniaga merekod, mengumpul, meyimpan, menyemak pembayaran yang masuk serta memudahkan peniaga untuk melihat rekod jualan yang masuk.

Amirul Khair, Vidilla Rosalina, dan Sutarti (2021), website menu ini dapat mengurus data pelanggan, mengurus data produk, serta mengurus data transaksi. Sistem ini dapat membantu peniaga merekod laporan pelanggan dan laporan transaksi. Ianya dapat memudahkan peniaga membuat perkiraan jumlah akhir yang telah direkod didalam website tersebut.

## 2.3 Rumusan

Kesimpulannya, kami yakin bahawa objektif yang kami tetapkan iaitu Mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod pesanan pelanggan, mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod notifikasi pembayaran yang telah dilakukan oleh pelanggan.
dan mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod jumlah jualan akan dapat dicapai daripada sokongan jurnal diatas. Jadi, didapati bahawa produk ini mampu membantu menyelesaikan masalah - masalah yang dihadapi oleh peniaga**.**

# BAB 3
# METODOLOGI/REKA BENTUK

## 3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Kajian ini akan menerangkan tentang reka bentuk projek, kaedah penghasilan projek, kaedah analisis dan impak produk. Analisis situasi yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan peringkat kedua. Seterusnya, ialah analisis kos untuk projek bagi menghasilkan Insta Web Menu. Produk kemudian dikaji penggunaannya dengan melakukan analisis berikut.

## 3.2 Reka Bentuk Projek

### 3.2.1 Kaedah Penghasilan Projek

Masalah yang dihadapi oleh perniagaan Gerai Pojan Char Kuey Teow telah memberikan inspirasi kepada kami untuk membuat penambahan kemudahan sistem website disitu. Masalah yang sering berlaku dalam perniagaan tersebut ialah kesukaran dalam merekod pesanan pelanggan, penipuan dalam pembayaran serta kesukaran dalam merekod jumlah akhir jualan. Oleh itu, kami memperkenalkan Insta Web Menu. Ini sebagai satu alternatif kepada arah penambahbaikan bagi membantu memudahkan urusan perniagaan.

Carta alir projek Insta Web Menu seperti dibawah

**<u>Membentuk Carta Alir Pembinaan Insta Web Menu</u>**

| | |
|---|---|
| Langkah 1: Perbincangan | Perbicangan projek bersama ahli kumpulan dan penyelia Cik Norhayati Abdul Hamid |
| Langkah 2: Tinjauan analisis keperluan | Satu tinjauan analisis keperluan terhadap Insta Web Menu telah dijalankan keatas golongan sasaran di gerai Pojan Char Kuey Teow pada pertengahan bulan oktober 2022 |
| Langkah 3: Pembangunan rangka tindak Insta Web Menu. | Pembangunan rangka tindak telah dimulakan pada awal bulan November 2022 |
| Langkah 4: Pembangunan prototaip model & antara Insta Web Menu. | Pembangunan prototaip, model dan antara muka sistem dimulakan pada awal bulan November 2022 |
| Langkah 5: Prototaip Insta Web Menu. | Prototaip Insta Web Menu telah disiapkan pada pertengahan bulan November 2022 |

| | |
|---|---|
| Langkah 6: Ujilari sistem Insta Web Menu. | Ujilari prototaip Insta Web Menu telah dijalankan oleh ahli kumpulan bagi tujuan menguji kesesuaian website tersebut dengan sasaran pelanggan Pojan Char Kuey Tiow |
| Langkah 7: Tinjauan Kebolehgunaan Insta Web Menu. | Ahli kumpulan telah mempersembahkan Insta Web Menu. Dan membuat tinjauan kebolehgunaan Gerai Pojan Char Kuey Teow kepada pelanggan sasaran di Gerai tersebut pada pertengahan November 2022 |

**Langkah 1: Perbincangan Tajuk Kajian Ahli Kumpulan Bersama Penyelia**






Perbincangan projek bersama ahli kumpulan dan Penyelia Cik Norhayati binti Abd Hamid.

Pengkaji telah melakukan perbincangan bersama penyelia iaitu Cik Norhayati binti Abd Hamid. Perbincangan ini berjalan secara bersemuka di Politeknik Seberang Perai dan penyelia memberi taklimat berkaitan laporan yang perlu disediakan. Setiap ahli kumpulan memerlukan 3 tajuk kajian untuk dibentangkan didalam Model Bas-F. Kami mempunyai 5 orang ahli, jadi jumlah tajuk yang kami perlu keluarkan adalah 15 tajuk. Pencadang pertama mencadangkan untuk membuat kajian di Kilang Ayam AA kerana kilang tersebut menghadapi masalah

kekurangan pekerja, masalah pentadbiran dan masalah kekurangan bekalan. Pencadang kedua pula telah mencadangkan untuk membuat kajian di Politeknik. Masalah yang dihadapi ialah masalah ATM mengeluarkan wang besar seperti RM50, pelajar tiada wang kecil untuk pembelian kecil di Politeknik serta isu wang tercicir dan kecurian. Pencadang ketiga telah mencadangkan untuk membuat kajian di gerai Pojan Char Kuey Teow kerana perniagaan tersebut menghadapi masalah kesukaran merekod pesanan pelanggan, penipuan dalam membuat pembayaran serta masalah untuk merekod jumlah akhir jualan. Pencadang keempat pula telah mencadangkan untuk membuat kajian di perniagaan Pulut Udang Homemade kerana perniagaan tersebut menghadapi masalah kekurangan pembekal buah kelapa, perniagaan tersebut tidak dikenali ramai serta proses pembuatannya yang lama menyebabkan pembaziran gas. Akhir sekali, pencadang kelima telah mencadangkan kajian dilakukan di kedai kek kerana kedai tersebut tidak mempunyai sistem E-Dompet, tidak mempunyai sistem penghantaran makanan serta tidak membuat promosi.  Dengan ini, pengkaji telah memilih cadangan daripada pencadang ketiga untuk membuat kajian di gerai Pojan Char Kuey Teow yang menghadapi masalah kesukaran merekod pesanan pelanggan, penipuan dalam membuat pembayaran serta masalah untuk merekod jumlah akhir jualan.

**Langkah 2: Tinjauan analisis keperluan**

Satu tinjauan analisis keperluan telah dijalankan dengan menggunakan platform Google Form. Responden terdiri daripada 2 orang iaitu seorang peniaga dan seorang pekerja perniagaan gerai Pojan Char Kuey Teow. Link Google Form telah diedarkan melalui aplikasi Whatsapp. Bahagian A ini berkaitan dengan nama responden, jantina responden serta umur responden. Bahagian B pula, untuk soalan pertama ialah Gerai Char Kuey Teow ini tidak mempunyai aplikasi atau website. Soalan kedua pula, Insta Web Menu mempunyai keperluan untuk dilaksanakan di Gerai Char Kuey Teow. Soalan ketiga, perniagaan Gerai Char Kuey Teow bersetuju untuk menggunakan Insta Web Menu. Bagi soalan seterusnya ialah masalah yang berlaku iaitu masalah merekod pesanan pelanggan, masalah penipuan pembayaran dan masalah merekod jumlah jualan. Bahagian C, untuk soalan pertama ialah peniaga bersetuju untuk kami membuat penambahbaikan dalam perniagaan anda. Bagi soalan kedua, Insta Web Menu ini akan memudahkan anda untuk merekod pesanan pelanggan. Soalan ketiga, Insta Web Menu ini selamat digunakan dan dapat mengelakkan penipuan kerana setiap pesanan yang dilakukan akan disertakan notifikasi dan invois dan soalan yang keempat ialah Insta Web Menu ini dapat menyelesaikan masalah untuk merekod jumlah jualan. Borang analisis keperluan seperti jadual 1.

**Jadual 1: Borang Soal Selidik Analisis Keperluan**

| 1 - Sangat Tidak Setuju | 2 - Tidak setuju | 3 - Neutral | 4 -  Setuju | 5 -Sangat Setuju |
|---|---|---|---|---|

<table>
<tr><td colspan="5">Borang Kajian Keperluan</td></tr>
<tr><td colspan="5">Bahagian A: Maklumat Pemilik</td></tr>
<tr><td>Nama:</td><td colspan="2">1.</td><td colspan="2">2.</td></tr>
<tr><td>Jantina</td><td colspan="2">1.</td><td colspan="2">2.</td></tr>
<tr><td>Umur</td><td colspan="2">1.</td><td colspan="2">2.</td></tr>
<tr><td>Bahagian B: Latar Belakang Produk Yang Digunakan Sekarang</td><td colspan="2">Peratusan</td><td>Jumlah Peratusan</td><td>Bilangan Responden</td></tr>
<tr><td rowspan="5">Gerai Char Kuey Teow ini tidak mempunyai aplikasi atau website</td><td>1</td><td></td><td rowspan="5"></td><td rowspan="5"></td></tr>
<tr><td>2</td><td></td></tr>
<tr><td>3</td><td></td></tr>
<tr><td>4</td><td></td></tr>
<tr><td>5</td><td></td></tr>
<tr><td rowspan="5">Insta Web Menu mempunyai keperluan untuk dilaksanakan di Gerai Char Kuey Teow</td><td>1</td><td></td><td rowspan="5"></td><td rowspan="5"></td></tr>
<tr><td>2</td><td></td></tr>
<tr><td>3</td><td></td></tr>
<tr><td>4</td><td></td></tr>
<tr><td>5</td><td></td></tr>
<tr><td rowspan="5">Perniagaan Gerai Char Kuey Teow bersetuju untuk menggunakan Insta Web Menu</td><td>1</td><td></td><td rowspan="5"></td><td rowspan="5"></td></tr>
<tr><td>2</td><td></td></tr>
<tr><td>3</td><td></td></tr>
<tr><td>4</td><td></td></tr>
<tr><td>5</td><td></td></tr>
<tr><td>Masalah Yang Berlaku:</td><td colspan="2"></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td rowspan="5">Masalah merekod pesanan pelanggan</td><td>1</td><td></td><td rowspan="5"></td><td rowspan="5"></td></tr>
<tr><td>2</td><td></td></tr>
<tr><td>3</td><td></td></tr>
<tr><td>4</td><td></td></tr>
<tr><td>5</td><td></td></tr>
<tr><td colspan="5"></td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Masalah penipuan pembayaran | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| | | | | |
| Masalah merekod jumlah jualan | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| **Bahagian C: Penambahbaikan** | | | | |
| Peniaga bersetuju untuk kami membuat penambahbaikan dalam perniagaan anda | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| Insta Web Menu ini akan memudahkan anda untuk merekod pesanan pelanggan | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| Insta Web Menu ini selamat digunakan dan dapat mengelakkan penipuan kerana setiap pesanan yang dilakukan akan disertakan notifikasi dan invois | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| | | | | |
| Insta Web Menu ini dapat menyelesaikan masalah untuk merekod jumlah jualan | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |

**Langkah 3: Pembangunan Rangka Tindak Insta Web Menu**

| PELAJAR | | PEMILIK PERNIAGAAN |
|---|---|---|
| Isi borang, muat naik sokongan dokumen dan serahkan.<br><br>Terima, semak dan diserahkan semula | Menyerahkan Laman Web dan menghantar pemberitahuan kepada pemilik<br><br>Semakan dan hantar. | Menyemak penyerahan<br> |

Pengkaji mengisi borang sokongan penghasilan projek dan diberikan kepada pengurus Pojan Char Kuey Teow berkaitan projek yang perlu dijalankan. Pengurus perniagaan tersebut menerima borang tersebut lalu menyemak dan menyerahkan kembali kepada pengkaji. Kemudian, setelah produk Insta Web Menu berjaya dihasilkan, para pengkaji telah membuat semakan terlebih dahulu sebelum menghantar pemberitahuan kepada pemilik Pojan Char Kuey Teow melalui aplikasi Whatsapp berkenaan produk Insta Web Menu. Setelah pengurus perniagaan menerima Insta Web Menu, beliau menyemak website tersebut untuk memastikan keberkesanan Insta Web Menu. Akan tetapi website tersebut dikembalikan semula kepada pengkaji disebabkan terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pengurus untuk mendaftar masuk. Oleh itu, pengkaji telah membuat catatan permasalahan dan telah mengemaskini Insta Web Menu bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengurus ketika menggunakannya. Setelah pengkaji memberi penerangan dan tatacara penggunaannya, pengurus Pojan Char Kuey Teow telah meluluskan dan menerima Insta Web Menu untuk digunakan di gerai Pojan Char Kuey Teow bagi memudahkan urusan perniagaan beliau.

**Langkah 4: Pembangunan Prototaip, Model dan Antara Insta Web Menu**

**Langkah 1**




Gambar di atas menunjukkan cara menambah produk sedia ada di Gerai Pojan Char Kuey Teow

**Langkah 2**




Gambar di atas merupakan produk sedia ada, yang telah ditambah di Insta Web Menu untuk kegunaan Gerai Pojan Char Kuey Teow

## Langkah 3







Gambar di atas menunjukkan produk sedia ada di Insta Web Menu Gerai Pojan Char Kuey Teow di paparan skrin pelanggan

## Langkah 4




Gambar di atas menunjukkan Insta Web Menu ini dapat menerima pembayaran melalui transaksi online

**Langkah 5: Prototaip Website Insta Web Menu**




Gambar diatas menunjukkan halaman utama untuk peniaga mendaftar masuk ke dalam website ini. Halaman utama terdiri daripada alamat email serta kata laluan.

**Langkah 6: Ujilari Sistem**

Ujilari sistem ini adalah untuk peniaga menguji sama ada produk yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu produk Insta Web Menu ini berfungsi dengan baik atau tidak. Pengkaji telah menyerahkan Insta Web Menu kepada peniaga iaitu Encik Muhammad Alif Fauzan pada pertengahan bulan November untuk peniaga mencuba keberkesanan produk kepada peniagaannya dan mengesan kekurangan yang terdapat pada produk ini. Ujilari produk Insta Web Menu ini berlangsung selama seminggu. Peniaga telah mengesan beberapa kekurangan antaranya, wang akan diterima selepas 3 hari jika pembayaran dibuat secara atas talian. Pengkaji telah memperbaiki kekurangan ini. Selepas pengkaji membuat pembaikan, pengkaji telah menyerahkan semula produk Insta Web Menu ini kepada peniaga untuk melakukan ujilari sistem buat kali kedua.

### 3.2.2 Kaedah Analisis Data

Terdapat dua analisis yang dijalankan didalam kajian ini iaitu analisis keperluan dan analisis kebolehgunaan. Kajian lapangan ini dijalankan dengan mengedarkan borang soal kaji selidik melalui kaedah Google Form kepada peniaga dan pekerja gerai Pojan Char Kuey Teow yang terlibat dengan penggunaan Insta Web Menu. Kaji selidik ini berlangsung selama seminggu untuk diisi oleh pemilik dan pekerja. Statistik data daripada soal kaji selidik akan dikumpulkan dan disenaraikan di jadual (rujukan dibawah) yang disediakan mengikut hari/minggu. Kajian ini akan membantu untuk membuat kesimpulan tentang kekerapan penggunaan Insta Web Menu.

a) **Analisis Keperluan**– Pengkaji mendapati kesemua responden bersetuju untuk pengkaji mewujudkan Insta Web Menu ini bagi menyelesaikan masalah mereka khususnya masalah kesukaran untuk merekod jumlah harga makanan yang perlu dibayar oleh pelanggan, masalah penipuan pembayaran serta masalah untuk merekod jumlah jualan. Terdapat 5 skala digunakan untuk menganalisis keperluan iaitu 1 sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 neutral, 4 setuju dan 5 sangat setuju serta soalan untuk analisis keperluan seperti seperti dibawah.

**Tinjauan Analisis Keperluan Terhadap Pemilik dan Pekerja**

| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---|---|---|---|---|
| Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Neutral | Setuju | Sangat Setuju |

| **Borang Kajian Keperluan** | | |
|---|---|---|
| **Bahagian A: Maklumat Pemilik** | | |
| Nama: | 1. | 2. |
| Jantina | 1. | 2. |
| Umur | 1. | 2. |

| **Bahagian B: Latar Belakang Produk Yang Digunakan Sekarang** | Peratusan | | Jumlah Peratusan | Bilangan Responden |
|---|---|---|---|---|
| Gerai Char Kuey Teow ini tidak mempunyai aplikasi atau website | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| | | | | |
| Insta Web Menu mempunyai keperluan untuk dilaksanakan di Gerai Char Kuey Teow | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| Perniagaan Gerai Char Kuey Teow bersetuju untuk menggunakan Insta Web Menu | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| **Masalah Yang Berlaku:** | | | | |
| Masalah merekod pesanan pelanggan | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| | | | | |
| Masalah penipuan pembayaran | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| | | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Masalah merekod jumlah jualan | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| **Bahagian C: Penambahbaikan** | | | | |
| Peniaga bersetuju untuk kami membuat penambahbaikan dalam perniagaan anda | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| | | | | |
| Insta Web Menu ini akan memudahkan anda untuk merekod pesanan pelanggan | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| | | | | |
| Insta Web Menu ini selamat digunakan dan dapat mengelakkan penipuan kerana setiap pesanan yang dilakukan akan disertakan notifikasi dan invois | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |
| | | | | |
| Insta Web Menu ini dapat menyelesaikan masalah untuk merekod jumlah jualan | 1 | | | |
| | 2 | | | |
| | 3 | | | |
| | 4 | | | |
| | 5 | | | |

b) **Analisis kebolehgunaan** - Pengkaji mendapati bahawa kesemua responden bersetuju bahawa sistem Insta Web Menu ini boleh digunakan dan dapat membantu pemilik dan pekerja Pojan Char Kuey Teow. Mereka juga telah memberi tindak balas yang positif tentang website ini. Terdapat 5 skala digunakan untuk menganalisis keperluan iaitu 1 sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 neutral, 4 setuju dan 5 sangat setuju serta soalan untuk analisis keperluan seperti seperti dibawah.

c) **Analisis kebolehgunaan Insta Web Menu**

| Objektif | Perkara | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Objektif 1: Mengenalpasti Insta Web Menu dapat merekod pesanan pelanggan. | Pelanggan dapat mengimbas kod rindak balas cepat (QR) dan info menu akan dipaparkn di skrin. | | | | | |
| | Pelanggan dapat memilih menu yang ingin dipesan. | | | | | |
| | Website ini memaparkan harga yang perlu dibayar oleh pelanggan | | | | | |
| | Website ini dapat merekod pesanan yang telah dibuat oleh pelanggan. | | | | | |
| Objektif 2: Mengenalpasti Insta Web Menu dapat merekod notifikasi pembayaran yang telah dilakukan oleh pelanggan. | Website ini selamat digunakan. | | | | | |
| | Mengeluarkan notifikasi setelah transaksi berjaya dilakukan. | | | | | |
| | Notifikasi pembayaran yang berjaya akan terpapar pada skrin pengguna. | | | | | |
| | Peniaga akan mendapat notifikasi pesanan melalui notifikasi Insta Web Menu. | | | | | |
| Objektif 3: Mengenalpasti Insta Web Menu dapat merekod jumlah jualan. | Website ini dapat melihat jumlah jualan akhir hanya dengan menggunakan telefon. | | | | | |
| | Website ini dapat mengira jumlah jualan akhir tanpa ralat. | | | | | |
| | Website ini dapat merekod jumlah jualan akhir pada setiap minggu. | | | | | |
| | Website ini dapat menjimatkan masa peniaga untuk membuat perkiraan keuntungan setiap hujung minggu. | | | | | |

### 3.2.3 Analisis SWOT

Kajian ini menggunakan analisis SWOT. SWOT analisis ini dijalankan bagi mengenalpasti tentang kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman.

| **a) Kekuatan (Strength) - S** | **b) Kelemahan (Weaknesses) - W** |
|---|---|
| Kelebihan utama sistem Insta Web Menu di Gerai Pojan Char Kuey Teow ialah ia dapat memudahkan proses pembelian dan menjimatkan masa. Pelanggan yang mahu membuat tempahan makanan boleh mengimbas Kod rindak balas cepat (QR) secara terus untuk membuat pesanan. | Insta web menu tidak mempunyai order tracker (penjejak pesanan) jadi pelanggan tidak dapat menyemak sama ada pesanan sudah tersedia atau tidak sebelum pergi ke lokasi perniagaaan |
| **c) Peluang (Opportunities) - O** | **d) Ancaman (Threat) - T** |
| Peluang yang dapat diperolehi melalui Gerai Pojan Char Kuey Teow ini ialah, pelanggan dapat mengakses sendiri berkaitan menu yang ada di gerai tersebut melalui Insta Web Menu dan dapat membuat pesanan secara terus. | Insta Web Menu berisiko untuk digodam atau diserang virus oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mencuri data pelanggan yang membeli di Gerai Pojan Char Kuey Teow. |

### 3.2.4 4P'S Analisis

a) **Produk (Product)** - Gerai Pojan Char Kuey Teow menghasilkan dan menjual perniagaan berasaskan makanan iaitu Char Kuey Teow

b) **Nilai (Price) -** Harga Char Kuey Teow yang dipasarkan ialah secara berlainan harga iaitu untuk Char Kuey Teow Kosong berharga RM 6, Char Kuey Teow Kerang berharga RM 6.50, Char Kuey Teow Kerang Special berharga RM 8.50 Char Kuey Teow Udang Biasa dan Sotong Biasa berharga RM 7, Char Kuey Teow Udang Special dan Sotong Special berharga RM 9 dan Harga Char Kuey Teow Special Combo ialah

RM10. Kesemua jenis Char Kuey Tiow dihidangkan di dalam bekas yang bersaiz sederhana besar.

c) **Promosi (Promotion)** – Gerai Pojan Char Kuey Teow menggunakan Insta Web Menu untuk membantu mereka dalam mempromosikan produk secara dalam talian. Di dalam website ini mempunyai kesemua menu yang dihasilkan oleh gerai tersebut beserta gambar.

d) **Lokasi (Place) –** Lokasi bagi perniagaan Pojan Char Kuey Tiow terletak di bahu jalan, Jalan Cengal, Taman Banting Baru, 42700 Banting, Selangor. Lokasi ini sangat strategik kerana ia merupakan laluan utama pelajar sekolah dan penduduk yang berhampiran dan gerai ini juga mendapat lesen kelulusan daripada Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) untuk menjalankan perniagaan di Kawasan tersebut.

### 3.3 Impak Produk

Inovasi produk Pojan Char Kuey Teow ini diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

a) **Impak Produk Terhadap Gerai Pojan Char Kuey Teow**

Penggunaan Insta Web Menu ini memberi impak yang positif kepada perniagaan Gerai Pojan Char Kuey Teow. Ianya telah membantu dan mempermudahkan Encik Fauzan untuk merekod jumlah jualan.Hal ini kerana Insta Web Menu ini dilengkapi dengan fungsi graf dan carta yang dipermudahkan bagi kesemua rekod hasil jualan.Dengan adanya fungsi tersebut Encik Fauzan tidak perlu melakukan pengiraan secara manual kesemua data didalam buku seperti yang dilakukan sebelum ini. Ini kerana website ini dapat memproses segala data secara automatik dan tepat.

b) **Impak Produk Terhadap Masa**

Penggunaan Insta Web Menu ini dapat membantu peniaga,Encik Fauzan dalam menguruskan perniagaan dengan lebih efisien dengan cara pelanggan dapat mengimbas kod rindak balas (QR) untuk mengetahui menu yang ditawarkan. Ini kerana, pelanggan tidak perlu menunggu pekerja untuk mengambil pesanan pelanggan. Pada masa yang sama Encik Fauzan tidak perlu merekod jumlah jualan pada setiap hari bagi kegunaan Gerai Pojan Char Kuey Teow.

c) **Impak Produk Terhadap Tenaga**

Pengunaan Insta Web Menu telah membantu ke arah penjimatan tenaga pekerja yang bekerja di gerai tersebut bagi mengambil dan menulis pesanan yang diinginkan oleh pelanggan. Dengan adanya Insta Web Menu ini, pelanggan hanya perlu mengimbas kod rindak balas (QR) untuk membuat pesanan, sementara pekerja di gerai tersebut dapat mengenalpasti pesanan secara terus melalui Insta Web Menu dan seterusnya dapat meneruskan proses pembungkusan pesanan.

## 3.4 Rumusan

Kesimpulannya, pada bab ini, kami berjaya menghasilkan pelbagai analisis bagi memastikan website ini diterima oleh para pengguna. Akhir sekali, terdapat tiga item yang perlu dianalisis dengan tepat untuk mengetahui Insta Web Menu ini memberi kesan atau impak terhadap pemilik dan pekerja di Gerai Pojan Char Kuey Teow.

# BAB 4
# DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

## 4.1 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian iaitu menerangkan tentang pencapaian objektif kajian, kelebihan produk, kekurangan produk dan masalah dalam penghasilan produk. Uji kaji yang dijalankan melibatkan pencapaian objektif kajian satu, dua dan tiga. Seterusnya ialah penyediaan kewangan iaitu kos yang terlibat dalam membangunkan produk Insta Web Menu ini.

## 4.2 Dapatan Kajian/Pengujian

Produk Insta Web Menu yang telah kami sediakan ini dapat memudahkan pemilik Gerai Pojan Char Kuey Teow untuk merekod pesanan pelanggan, merekod notifikasi pembayaran yang telah dilakukan oleh pelanggan dan merekod jumlah jualan akhir. Dengan adanya website ini, pemilik tidak perlu lagi bimbang tentang masalah berkaitan dengan kesukaran untuk merekod pesanan pelanggan, penipuan dalam pembayaran dan kesukaran untuk merekod jumlah jualan akhir.

### 4.2.1 Pencapaian objektif kajian pertama iaitu mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod pesanan pelanggan.




Rajah di atas menunjukkan penggunaan Insta Web Menu dapat merekod pesanan pelanggan.

Dapatan Kajian Objektif 1

| Soalan Objektif 1 | Peratusan | | Jumlah peratusPeratusan | Bilangan Responden |
|---|---|---|---|---|
| Pelanggan dapat mengimbas kod rindak balas cepat (QR) dan info menu akan dipaparkan di skrin. | Sangat Tidak Setuju | | 100% | 100 |
| | Tidak Setuju | | | |
| | Neutral | | | |
| | Setuju | 22% | | |
| | Sangat Setuju | 78% | | |
| Pelanggan dapat memilih menu yang ingin dipesan. | Sangat Tidak Setuju | | 100% | 100 |
| | Tidak Setuju | | | |
| | Neutral | | | |
| | Setuju | 19% | | |
| | Sangat Setuju | 81% | | |
| Website ini memaparkan harga yang perlu dibayar oleh pelanggan | Sangat Tidak Setuju | | 100% | 100 |
| | Tidak Setuju | | | |
| | Neutral | | | |
| | Setuju | 20% | | |
| | Sangat Setuju | 80% | | |
| Website ini dapat merekod pesanan yang dibuat oleh pelanggan | Sangat Tidak Setuju | | 100% | 100 |
| | Tidak Setuju | | | |
| | Neutral | | | |
| | Setuju | 27% | | |
| | Sangat Setuju | 73% | | |

Jadual diatas merujuk kepada jawapan tindakbalas bagi objektif 1 yang diberikan oleh 100 orang pelanggan kepada pengkaji berkaitan dengan kebolehgunaan produk Insta Web Menu di gerai Pojan Char Kuey Teow. Soalan pertama iaitu pelanggan dapat mengimbas kod rindak balas cepat (QR) dan info menu akan dipaparkan di skrin mendapat undian 78% untuk sangat

setuju manakala undian setuju mendapat sebanyak 22%. Seterusnya, soalan kedua, pelanggan dapat memilih menu yang ingin dipesan mendapat undian sebanyak 81% untuk sangat setuju dan 19% untuk setuju. Soalan ketiga, Website ini memaparkan harga yang perlu dibayar oleh pelanggan mendapat undian 80% untuk sangat setuju manakala 20% untuk setuju. Soalan terakhir iaitu website ini dapat merekod pesanan yang dibuat oleh pelanggan mendapat undian 73% untuk sangat setuju dan 27% untuk setuju.

### 4.2.2 Pencapaian objektif kajian kedua iaitu mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod notifikasi pembayaran yang telah dilakukan oleh pelanggan.




Rajah di atas menunjukkan **p**enggunaan Insta Web Menu dapat merekod notifikasi pembayaran yang telah dilakukan oleh pelanggan

Dapatan Kajian Objektif 2

| Soalan Objektif 2 | Peratusan | | Jumlah peratusPeratusan | Jumlah Responden |
|---|---|---|---|---|
| Website ini selamat digunakan. | Sangat Tidak Setuju | | 100% | 100 |
| | Tidak Setuju | | | |
| | Neutral | 1% | | |
| | Setuju | 30% | | |
| | Sangat Setuju | 69% | | |
| Mengeluarkan notifikasi setelah transaksi berjaya dilakukan. | Sangat Tidak Setuju | | 100% | 100 |
| | Tidak Setuju | | | |
| | Neutral | | | |
| | Setuju | 22% | | |
| | Sangat Setuju | 78% | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Notifikasi pembayaran yang berjaya akan terpapar pada skrin pengguna. | Sangat Tidak Setuju | | 100% | 100 |
| | Tidak Setuju | | | |
| | Neutral | | | |
| | Setuju | 22% | | |
| | Sangat Setuju | 78% | | |
| Peniaga akan mendapat notifikasi pesanan melalui notifikasi Insta Web Menu. | Sangat Tidak Setuju | | 100% | 2 |
| | Tidak Setuju | | | |
| | Neutral | | | |
| | Setuju | 50% | | |
| | Sangat Setuju | 50% | | |

Jadual diatas merujuk kepada jawapan tindakbalas bagi objektif 2 yang diberikan oleh 100 orang pelanggan kepada pengkaji berkaitan dengan kebolehgunaan produk Insta Web Menu di gerai Pojan Char Kuey Teow. Soalan pertama, website ini selamat digunakan mendapat undian neutral sebanyak 1%, setuju 30% dan sangat setuju 69%. Soalan berikutnya, mengeluarkan notifikasi setelah transaksi berjaya dilakukan mendapat undian setuju sebanyak 22% dan sangat setuju mendapat undian sebanyak 78%. Soalan ketiga, notifikasi pembayaran yang berjaya akan terpapar pada skrin pengguna mendapat undian sebanyak 78% untuk sangat setuju dan 22% untuk setuju. Soalan terakhir tertumpu kepada peniaga dan pekerja di gerai Pojan Char Kuey Teow iaitu peniaga akan mendapat notifikasi pesanan melalui notifikasi Insta Web Menu telah mendapat undian setuju sebanyak 50% dan sangat setuju 50%.

### 4.2.3 Pencapaian objektif kajian ketiga iaitu mengenalpasti Insta Web Menu dapat merekod jumlah jualan akhir.




Rajah di atas menunjukkan Insta Web Menu dapat merekod jumlah jualan akhir.

Dapatan Kajian Objektif 3

| Soalan | Peratusan | | Jumlah peratus | Jumlah Responden |
|---|---|---|---|---|
| Website ini dapat melihat jumlah jualan akhir hanya dengan menggunakan telefon. | Sangat Tidak Setuju | | 100% | 2 |
| | Tidak Setuju | | | |
| | Neutral | | | |
| | Setuju | | | |
| | Sangat Setuju | 100% | | |
| Website ini dapat mengira jumlah jualan akhir tanpa ralat. | Sangat Tidak Setuju | | 100% | 2 |
| | Tidak Setuju | | | |
| | Neutral | | | |
| | Setuju | | | |
| | Sangat Setuju | 100% | | |
| Website ini dapat merekod jumlah jualan akhir pada setiap minggu. | Sangat Tidak Setuju | | 100% | 2 |
| | Tidak Setuju | | | |
| | Neutral | | | |
| | Setuju | | | |
| | Sangat Setuju | 100% | | |
| Website ini dapat menjimatkan masa peniaga untuk membuat perkiraan keuntungan setiap hujung minggu.. | Sangat Tidak Setuju | | 100% | 2 |
| | Tidak Setuju | | | |
| | Neutral | | | |
| | Setuju | | | |
| | Sangat Setuju | 100% | | |

Jadual diatas merujuk kepada jawapan tindakbalas bagi objektif 3 yang diberikan oleh peniaga dan pekerja gerai Pojan Char Kuey Teow kepada pengkaji berkaitan dengan kebolehgunaan produk Insta Web Menu di gerai Pojan Char Kuey Teow. Soalan pertama iaitu website ini dapat melihat jumlah jualan akhir hanya dengan menggunakan telefon telah mendapat undian sebanyak 100% untuk jawapan sangat setuju. Soalan seterusnya ialah website ini dapat mengira jumlah jualan akhir tanpa ralat turut mendapat undian sangat setuju 100%. Soalan berikutnya iaitu website ini dapat merekod jumlah jualan akhir pada setiap minggu turut mendapat undian sebanyak 100% pada jawapan sangat setuju. Akhir sekali, website ini dapat menjimatkan masa

peniaga untuk membuat perkiraan keuntungan setiap hujung minggu juga turut mendapat undian 100% bagi jawapan sangat setuju.

### 4.3 Perbincangan (kelebihan, kekurangan, masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk)

Hasil dapatan daripada perbincangan, pengkaji telah mencipta Insta Web Menu yang akan memudahkan pemilik untuk menguruskan perniagaan dengan lebih sistematik. Dengan menggunakan Insta Web Menu yang mempunyai struktur sistematik dan teratur, pemilik tidak akan mengalami masalah berkaitan dengan kesukaran untuk merekod pesanan pelanggan, penipuan dalam pembayaran dan kesukaran untuk merekod jumlah jualan akhir.

### 4.4 Kos yang terlibat

Penciptaan Insta Web Menu ini hanya melibatkan RM 50 sahaja untuk memenuhi objektif kajian dan ianya mengambil masa seminggu untuk menghasilkan website.

### 4.5 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan sama ada Insta Web Menu ini membantu ataupun tidak untuk perniagaan Gerai Pojan Char Kuey Teow. Pengkaji juga dapat mengetahui tentang kelebihan, kekurangan, masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk Insta Web Menu ini, Dalam bab ini juga, pengkaji dapat mengetahui jumlah yang terlibat dalam penciptaan sesuatu website.

## BAB 5
## KESIMPULAN

### 5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian penciptaan website yang dinamakan sebagai Insta Web Menu yang telah dihasilkan. Bab ini merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT (kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman), 4P dan analisis keberkesanan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Ia juga merangkumi kesimpulan keseluruhan penghasilan produk Insta Web Menu.

### 5.2 Kesimpulan

Insta Web Menu ini juga turut mempunyai kelemahan iaitu dari segi penciptaannya. Hal ini kerana, ianya mengambil masa seminggu untuk menyelesaikan masalah yang timbul ketika ujilari sistem ini dijalankan. Antaranya, wang akan diterima selepas 3 hari jika pembayaran dibuat secara atas talian. Akan tetapi, Produk Insta Web Menu ini dicipta untuk membantu peniaga menjalankan aktiviti perniagaannya supaya menjadi lebih cekap dan efisen serta dapat menyelesaikan masalah kesukaran untuk merekod pesanan pelanggan, masalah penipuan dalam pembayaran dan masalah kesukaran untuk merekod jumlah jualan akhir. Produk Insta Web Menu ini dihasilkan dengan menggunakan jaringan internet. Kelebihan yang terdapat pada produk ini ialah, produk ini dapat merekod dan menyimpan segala maklumt yang berkaitan dengan perniagaan. Jadi, ianya dapat membantu peniaga Pojan Char Kuey Teow dari segi merekod pesanan pelanggan, merekod notifikasi pembayaran yang telah dilakukan oleh pelanggan serta merekod jumlah jualan akhir. Produk ini telah dicuba oleh pemilik dan pekerja di perniagaan gerai Pojan Char Kuey Teow untuk menguji keberkesanannya. Selain itu, produk ini mampu berdaya saing dengan baik di pasaran dan dapat membantu semua golongan yang terlibat dalam pengurusan perniagaan.

### 5.3 Cadangan

Produk ini mempunyai banyak kelebihan dan berkesan untuk membantu perniagaan dalam menguruskan perniagaan dengan lebih baik, cekap dan efisen. Antara kelemahan yang perlu diatasi dalam membina Insta Web Menu ini ialah, ia mengambil masa seminggu dalam memastikan segala fungsi yang ada di dalam produk ini dapat berfungsi dengan baik. Namun begitu, masalah tersebut dapat diselesaikan dengan baik dengan adanya kerjasama dalam setiap

ahli. Hal ini kerana, produk ini memerlukan penelitian yang baik kerana menggunakan perbankan internet.

## 5.4 Limitasi Projek

Dalam perlaksanaan projek ini, terdapat banyak kekangan yang dihadapi oleh pengkaji. Antaranya ialah, lokasi projek yang dihasilkan jauh daripada kediaman pengkaji. Disebabkan itu, penghasilan projek mengambil tempoh waktu yang agak lama. Pengkaji sukar untuk melakukan temujanji secara bersemuka bersama pihak Pojan Char Kuey Teow disebabkan kekangan waktu. Yang keduanya pula ialah had pergerakan ke lokasi projek, hal ini disebabkan oleh masalah kekangan wang yang memerlukan kos yang sangat tinggi untuk ke lokasi tersebut. Hal ini menyebabkan, hanya salah seorang daripada pengkaji yang kediamannya berhampiran dengan lokasi projek dapat berurusan secara bersemuka bersama pihak Pojan Char Kuey Teow sementara yang lainnya berurusan melalui aplikasi Google Meet untuk menyiapkan projek Insta Web Menu ini. Akhir sekali, perjumpaan para pengkaji bersama pihak Pojan Char Kuey Teow hanyalah daripada jam 5 petang sehingga 930 malam sahaja.

## 5.5 Rumusan

Secara dasarnya kajian ini telah dijalankan di atas pengusaha dan pelanggan perniagaan gerai Pojan Char Kuey Teow, telah mencapai objektif kajian iaitu mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod pesanan pelanggan, mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod notifikasi pembayaran yang telah dilakukan oleh pelanggan dan mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod jumlah jualan. Akhir sekali, produk Insta Web Menu ini telah digunakan oleh perusahaan untuk menjalankan perniagaan dengan lebih cekap dan efisen serta masalah yang dihadapi oleh perniagaan ini telah berjaya ditangani.

## RUJUKAN

### Objektif 1: Mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod pesanan pelanggan

Bella Chintya Neyfa, Dony Dn Tamara, Ghina S Salsabila, Bayu Adityo Ramadhan, Fathiyah Rahma Mutmainah dan Dimas Ardi Rosatama (2016). Perancangan Aplikasi E-Canteen Berbasis Android Dengan Menggunakan Metode Object Oriented Analysis & Design (Ooad ). Jurnal Penelitian Komunikasi dan Opini Publik, Vol 20. No 1, halaman 1-11. Muat turun di link: http://103.28.220.26/index.php?ref=author&mod=profile&id=592458

Abdul Wahhab bin Hosni dan Jamaiah Yahaya (2021). Sistem Pesanan Makanan Tidak Bersentuhan Myorder. Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Vol 066. No 1, halaman 1-10. Muat turun dari link: https://www.ftsm.ukm.my/v5/file/research/technicalreport/PTA-FTSM-2021-066.pdf

Zareen Sufia binti Jafry dan Prof Madya Dr. Masnizah binti Mohd (2018). Sistem Pesanan Makanan Berasaskan Web. Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Vol 129. No 1, halaman 1-20. Muat turun dari link: https://www.ftsm.ukm.my/v5/file/research/technicalreport/PTA-FTSM-2018-129.pdf

Nurul Farhana Soble, Ts. Dr. Azizul Azhar Ramli (2022). Aplikasi Restoran Face Food Cafe. 1Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400, MALAYSIA, Vol 3. No 1, halaman 1-4. Muat turun di link: https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs/article/view/2561/1922

Grace Patricia Windarto, Ryan P. Sutanto, Aristarchus Pranayama K. (2021). Perancangan Prototype Website E-Commerce Ud Sumber Hasil Pangan. Desain Komunikasi Visual, Seni dan Desain, Universitas Kristen Petra, Jalan Siwalankerto No. 121-131, Surabaya, Vol 1. No 18, halaman 1-11. Muat turun di link: https://publication.petra.ac.id/index.php/dkv/article/view/11211

### Objektif 2: Mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod notifikasi pembayaran yang telah dilakukan oleh pelanggan.

Bella Chintya Neyfa, Dony Dn Tamara, Ghina S Salsabila, Bayu Adityo Ramadhan, Fathiyah Rahma Mutmainah dan Dimas Ardi Rosatama (2016). Perancangan Aplikasi E-Canteen Berbasis Android Dengan Menggunakan Metode Object Oriented Analysis & Design ( Ooad ). Jurnal Penelitian Komunikasi dan Opini Publik, Vol 20. No 1, halaman 1-11. Muat turun di link: http://103.28.220.26/index.php?ref=author&mod=profile&id=592458

Lipriadi, Budy Muhandri dan Arisantoso (2022). Aplikasi Self Service Menu Menggunakan Scrum Berbasis Website (Studi Kasus: Toko Grosir). Program Studi Teknik Informatika, Sekolah Tinggi Teknologi Informasi NIIT, Jakarta1,2,3Jl. Asem Dua No. 22, Kel. Cipete Selatan, Kec. Cilandak Jakarta Selatan, Vol 9. No 1, halaman 1-12. Muat turun di link: https://maklumatika.i-tech.ac.id/index.php/maklumatika/article/view/132/135

Lina, Bagus Mulyawan dan Daniel Ajienegoro (2021). Pengembangan Aplikasi Web-Commerce Pt. Wgs Sebagai Media Promosi. Fakultas Teknologi Informasi, Universitas Tarumanagara. Jakarta, Vol 4. No 2, halaman 1-8. Muat turun di link: https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&cad=rja&uact=8&ved=2ahUKEwi08ue2jKX7AhUgiGMGHR3mBOg4ChAWegQIEBAB&url=https%3A%2F%2Fjournal.untar.ac.id%2Findex.php%2Fbaktimas%2Farticle%2FviewFile%2F11622%2F8045&usg=AOvVaw2FtjWFhc75GzXrJjGlq7oy

Tony Wijaya, Donny Pramata (2014). Rancang Bangun Website E-Commerce Pada Barcelona Sport. Sekolah Tinggi Manajemen Informatika dan Komputer Pontianak Jln. Merdeka No. 372 Pontianak, Kalimantan Barat, Vol 4. No 1, halaman 1-11. Muat turun di link: https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&cad=rja&uact=8&ved=2ahUKEwj88umdmKX7AhUp-jgGHXynBtI4HhAWegQIIRAB&url=http%3A%2F%2Fjurnal.stmikpontianak.ac.id%2Ffile%2FTONY_WIJAYA_-_SISFOTENIKA_VOL4_NO1_2014.pdf&usg=AOvVaw0P0jVZ1tgWb_HZ8vlJMCQP

Siti Maisarah Amran, Noor Azah Samsudin (2021). Sistem Tempahan Tempat Makan Restoran Dee Nasi Ayam Pandan Indah. Faculty of Computer Science & Information Technology, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,86400 Johor, Malaysia, Vol 2. No 2, halaman 1-11. Muat turun di link: https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs/article/view/2196/1317

**Objektif 3: Mengenalpasti penggunaan Insta Web Menu dapat merekod jumlah jualan.**

Abdul Wahhab bin Hosni dan Jamaiah Yahaya (2021). Sistem Pesanan Makanan Tidak Bersentuhan Myorder. Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Vol 066. No 1, halaman 1-10. Muat turun dari link: https://www.ftsm.ukm.my/v5/file/research/technicalreport/PTA-FTSM-2021-066.pdf

Nur Husnina, Bahiah Halid, Mohd Amin Mohd Yunus (2020). Sistem Pengurusan Che Dah Corner. 1Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, 86400, Johor, Malaysia, Vol 1. No 1, halaman 1-10. Muat turun di link: https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&ved=2ahUKEwjIjuz2hqX7AhXpiGMGHc_tDEcQFnoECA8QAQ&url=https%3A%2F%2Fpublisher.uthm.edu.my%2Fperiodicals%2Findex.php%2Faitcs%2Farticle%2Fdownload%2F459%2F282&usg=AOvVaw2vnAiKv9ktQC_dOeJUy-h0

Siti Maisarah Amran, Noor Azah Samsudin (2021). Sistem Tempahan Tempat Makan Restoran Dee Nasi Ayam Pandan Indah. Faculty of Computer Science & Information Technology, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,86400 Johor, Malaysia, Vol 2. No 2, halaman 1-11. Muat turun di link: https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs/article/view/2196/1317

Bagus Dwi Wicaksono dan Sita Anggraeni (2021). Perancangan Website Sistem Informasi Transaksi Tagihan Layanan Purna Jual Properti Pada Pollux Properti Indonesia. Stmik Nusa Mandiri, Jakarta, Indonesia, Vol 5. No 2, halaman 131-135. Muat turun di link: https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=y0MZEAAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA132&dq=info:_u9mgToc74kJ:scholar.google.com/&ots=PNJvRqTTM3&sig=pjLS9YGDwToowG8DDgI-bDmv8A4#v=onepage&q&f=true

Amirul Khair, Vidilla Rosalina, dan Sutarti (2021). Rancang Bangun Sistem Informasi E-Commerce Dengan Penerapan Customer Relationship Management Berbasis Web. Program Studi Informatika, Sistem Komputer, Fakultas Teknologi Informasi Universitas Serang Raya, Vol 8. No 2, halaman 1-26. Muat turun di link: https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&cad=rja&uact=8&ved=2ahUKEwi08ue2jKX7AhUgiGMGHR3mBOg4ChAWegQIEhAB&url=https%3A%2F%2Fe-jurnal.lppmunsera.org%2Findex.php%2FPROSISKO%2Farticle%2Fdownload%2F3856%2F1805%2F&usg=AOvVaw0oKeZoLa9Hgm9CvAWKCEbB

## LAMPIRAN




Kod rindak balas gerai Pojan Char Kuey Teow




Penyerahan Kod rindak balas kepada peniaga iaitu Encik Muhammad Alif Fauzan




Pelanggan mengimbas kod rindak balas untuk membuat pesanan




Rajah diatas menunjukkan halaman utama untuk pelanggan memilih menu




Rajah diatas menunjukkan pelanggan telah membuat pemilihan menu







Rajah diatas menunjukkan pelanggan mengisi nombor telefon dan nama mereka sebelum membuat pembayaran







Rajah di atas menujukkan pelanggan memilih cara untuk membuat pembayaran sama ada secara atas talian atau secara tunai